



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

143 PENERIMA DIKURNIAI DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN DALAM ISTIADAT MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2021 SESI PERTAMA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah mengurniakan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** kepada **143 penerima** dalam Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan **DKBPWP (Sesi Pertama)** yang berlangsung di Istana Negara, hari ini.

Istiadat DKBPWP yang dijadualkan berlangsung pada 1 Februari 2021 lepas terpaksa ditunda dengan mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan Kerajaan ketika itu. Pelaksanaan DKBPWP pada hari ini diadakan dengan mengikut Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat seperti mana ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Istana Negara.

Mendahului penerima DKBPWP dalam senarai, ialah penerima **Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.)** iaitu Menteri Kewangan, **Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz** dan Menteri Besar Pahang, **Datuk Seri Utama Wan Rosdy bin Wan Ismail**.

Sesi Pertama Istiadat ini turut menyaksikan seramai **15** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.)** yang membawa gelaran Datuk Seri. Sementara itu, **41** individu telah dianugerahi Darjah Kebesaran **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)**, **21** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.)**, **26** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.)**, **11** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.)** dan **27** individu dianugerahi Darjah Kebesaran **Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.)**.

DKBPWP telah juga dikurniakan kepada anggota barisan hadapan yang banyak menabur bakti kepada negara dan bertungkus lumus berusaha menangani penularan wabak COVID-19. Mereka yang mewakili anggota barisan hadapan pasukan kesihatan antaranya ialah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk. Dr. Chong Chee

Keong, Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Datuk Dr. Heric Corray a/l Soloman Corray, dan Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Datuk Dr. Param Jeeth Singh a/l Pakar Singh.

Tidak ketinggalan, anggota barisan hadapan agensi lain iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara, Mohd Fadhil Muhamad Yusof dan Amaluddin Suib telah dianugerahi Darjah Kebesaran Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.). Selain mereka, Lt. Kol. Mohammad Asri Che Wil dari Angkatan Tentera Malaysia dan Kol. Mohd Kamil Hj Abdul Latiff dari Kementerian Pertahanan dianugerahi Darjah Kebesaran Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.).

Bagi mengiktiraf sumbangan penggiat seni dan budaya, Sasterawan Negara, Prof. Datuk Dr. Siti Zainon Ismail, telah dikurniai Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) atas kejayaan beliau mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa, apabila meraih pelbagai anugerah termasuk SEA Write Award pada 1989 dan Tokoh Anugerah Persatuan Alumni Pendidikan Tinggi Indonesia (PAPTI) melibatkan Anugerah Seni Budaya 2015, Anugerah Srikandi GPMS 2018 dan Anugerah Sasterawan Negara Malaysia 2019.

Selain beliau, individu yang menerima Darjah Kebesaran P.M.W. adalah Ahli Dewan Negara, atlet paralimpik negara dan Pengerusi BERNAMA, Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi. Beliau banyak memperjuangkan dan memperkasakan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan memerlukan menerusi badan bukan kerajaan yang diketuainya iaitu OKU Sentral. Pakar Perlembagaan dan Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Abd Aziz juga dianugerahi Darjah Kebesaran P.M.W. atas sumbangan beliau dalam bentuk penulisan dan kajian tentang hal-hal kenegaraan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam dan hak asasi manusia.

Pengurniaan DKBPWP merupakan satu penghormatan dan suntikan semangat kepada semua penerima untuk terus memacu kecemerlangan. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas kerja keras dan sumbangan semua penerima ke arah pembangunan Wilayah Persekutuan.

Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
23 Mac 2021